

14/06/2003

Penyebarkan khobar angin fitnah MB akan didakwa

KUALA LUMPUR: Polis akan bertindak terhadap penyebarkan khobar angin menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) kononnya Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Zain, diminta meletak jawatan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata mereka terbabit akan ditangkap dan dibawa ke balas polis untuk disoal siasat dan dikenakan hukuman jika tidak menghentikan penyebaran khobar angin itu serta-merta.

"Ini sangkaan jahat dan berniat jahat. Sesiapa yang berbuat demikian harus menghentikannya serta-merta. Polis sedang mengambil tindakan terhadap orang yang mengeluarkan khobar angin itu.

"Kita nak tangkap sesiapa yang sebarkan khobar angin ini masuk ke balai dulu untuk disiasat... kalau mereka ini tidak mahu cari fasal dengan polis, saya berharap mereka tidak lagi melakukannya dan berhenti serta-merta," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA di sini semalam.

Beliau mengulas tindakan polis berhubung penyebaran khobar angin itu yang berleluasa di seluruh negara, khususnya di Kedah.

Kandungan SMS yang menggunakan nama Pas Kedah sebagai pengirim itu adalah seperti berikut:

"Panas! Syed Razak diarah letak jawatan MB secepat mungkin oleh PM. Sebarkan segera kepada semua ahli Pas seluruh Malaysia."

Kelmarin, Syed Razak yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kedah, menyifatkan pihak yang menyebarkan khobar angin itu sebagai golongan kecewa.

Katanya, golongan terbabit sengaja menimbulkan perkara itu bagi menggambarkan suasana yang tidak benar mengenai kepemimpinannya

Chor yang juga Ahli Parlimen Alor Star berkata, walaupun tiada laporan polis dibuat sehingga kini, polis mempunyai kuasa membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap penyebarkan khobar angin itu.

"Tiada laporan setakat ini. Saya mahu mengelak sesuatu daripada berlaku, sebab itu saya beri tahu dulu," katanya.

Ditanya apakah polis mengetahui siapa yang bertanggungjawab menyebarkan khobar angin itu, beliau berkata:

"Buat masa ini kita tidak tahu tetapi polis sedang menjalankan siasatan terhadap seorang dua pemimpin pembangkang yang sengaja mengeluarkannya."